

Newspaper	Kosmo
Date	12/12/2012

Imej Proton semakin baik – Mahathir

KOSMO 12/12/12

KUALA LUMPUR – Pengambilalihan Proton Holdings Bhd. (Proton) oleh DRB-Hicom Bhd. (DRB-Hicom) yang hampir mencapai tempoh setahun kini telah berjaya menunjukkan kesan positif kepada pengeluar utama kereta nasional tersebut melalui peningkatan imej yang ketara ke peringkat yang lebih cemerlang.

Penasihatnya, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, imej Proton dilihat semakin baik dari semasa ke semasa berikutan perancangan strategik yang mampan disusun oleh barisan kepimpinan yang sentiasa bekerja keras bagi meningkatkan mutu produk.

“Proton akan terus meningkatkan kualiti dan mutu produk keluarannya bagi memastikan pelanggan sentiasa berpuas hati dan mendapat nilai wang yang dilaburkan.

“Strategik pemasaran sebelum ini yang menyatakan bahawa Proton sebagai pengeluar kereta kos rendah memberikan gambaran negatif kepada pelanggan mengenai kualiti produk,” katanya selepas majlis menandatangani perjanjian pengambilalihan aset dan teknologi antara Petronas Technology Ventures Sdn. Bhd. dan Proton di sini semalam.

Mahathir menjelaskan, Proton kini giat untuk berdiri setanding dengan pengeluar kereta antarabangsa yang diyakini kualiti produknya oleh umum.

Ujar beliau, kereta baharu keluaran Proton itu juga kini akan menyaksikan peningkatan ketara daripada aspek pengendalian dan memandu kualiti.

“Proton Preve sebagai contoh usaha terbaik syarikat setakat ini untuk mempamerkan piala antarabangsa automotif,” kata beliau.

Tambahnya, Proton juga kini mempunyai visi dan misi yang jelas untuk terus meningkatkan pertumbuhan dengan memperbaiki segala kelemahan bagi menjadi yang terbaik di masa depan.